



**KENYATAAN MEDIA**  
**OLEH Y.BHG TN. HJ. ABD. JAMAL BIN MYDIN**  
**KETUA PENGARAH JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA**  
**MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA KAWASAN YANG MENGALAMI**  
**KELUNTURAN KARANG (CORAL BLEACHING) DI PULAU TAMAN LAUT**  
**21 JULAI 2010**

Langkawi, Kedah – Jabatan Taman Laut Malaysia mengumumkan penutupan sementara sembilan (9) kawasan di Pulau-pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut dan tiga (3) buah pulau-pulau lain di dalam perairan Taman Laut di seluruh negara yang mengalami kelunturan karang (coral bleaching) sehingga mencapai tahap 60-90% berkuatkuasa 2 Julai 2010 sehingga 31 Oktober 2010.

Sembilan (9) kawasan Pulau-pulau Taman Laut tersebut ialah:-

i) Kedah - Teluk Wangi, Pantai Damai dan Coral Garden; Pulau Payar

ii) Terengganu –

-Pulau Redang → Teluk Bakau,

-Pulau Tenggol → Teluk Air Tawar,

-Pulau Perhentian Besar → Teluk Dalam

→ Tanjung Tukas Darat – Tanjung Tukas Laut; dan

ii) Pahang - Pulau Chebeh dan Batu Malang, Gugusan Pulau Tioman.

Tiga (3) buah pulau-pulau lain di dalam perairan Taman Laut ialah :-

i) Pulau Rengis;

ii) Pulau Tumok; dan

iii) Pulau Soyak; Pahang.

Senarai ringkasan kawasan berkenaan adalah seperti di Lampiran A.

Kelunturan karang pernah berlaku diseluruh dunia pada tahun 1998 dan tahun 2006 semasa Fenomena El-Nino. Pada kali ini, fenomena kelunturan karang (*coral bleaching*) dianggap lebih signifikan dan meluas. Kelunturan karang adalah keadaan di mana berlakunya perubahan warna pada hidupan karang daripada warna kecoklatan atau kehijauan menjadi warna putih pucat. Kematian alga simbiotik iaitu

*zooxanthellae* yang hidup di dalam karang di mana ianya berfungsi memberi pigmen warna dan nutrien kepada karang akan mengakibatkan karang mengalami kelunturan. Punca utama kelunturan karang ini dikaitkan dengan pemanasan global (*global warming*). Ianya berlaku apabila suhu air laut meningkat kepada 2°C dari paras normal, iaitu 28-29°C bagi tempoh selama 4 minggu. Setelah terdedah selama 8 minggu secara berterusan pada suhu air laut yang tinggi ini, terumbu karang akan mula mengalami kematian.

"Sebaik sahaja Jabatan Taman Laut Malaysia menerima maklumat mengenai berlakunya kelunturan karang pada awal Mei 2010, pihak Jabatan telah mengambil tindakan dengan merangka satu Pelan Tindakan berkaitan yang menggariskan tindakan-tindakan dan aktiviti-aktiviti yang akan diambil oleh Jabatan sehingga akhir tahun 2010", demikian menurut Hj Abd Jamal bin Mydin, Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). JTLM telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak yang dianggotai oleh JTLM, Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR), Jabatan kerja Raya (JKR), universiti tempatan khususnya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Badan Bukan Kerajaan (NGOs) khususnya Reef Check Malaysia Bhd.

JTLM telah menjalankan pemantauan status kelunturan karang di Pulau Tioman, Pahang pada 11-12 Jun 2010, Pulau Redang, Terengganu pada 4-6 Jun 2010, Pulau Payar, Kedah pada 29 Jun – 2 Julai 2010 dan di Pulau Tinggi, Johor pada 17-19 Julai 2010. Tahap kelunturan karang di kategorikan kepada lima (5) bahagian iaitu Kategori 0 (0%), Kategori 1 (1-10%), Kategori 2 (11-30%), Kategori 3 (31-50%), Kategori 4 (51-75%), Kategori 5 (76-100%). Hasil pemantauan yang dilaksanakan, Jabatan Taman Laut Malaysia telah memutuskan untuk menutup sementara kawasan-kawasan yang mengalami masalah kelunturan karang dalam kategori 4 (51-75%) dan kategori 5 (76-100%). Penutupan kawasan ini adalah kepada semua aktiviti rekreasi terutamanya aktiviti snorkelling dan selam skuba.

JTLM menggunakan tiga (3) tahap pemantauan iaitu: 1) kaedah *Rapid Assessment* bagi kesemua kawasan yang telah dikenal pasti mengalami kelunturan yang bertujuan untuk mengetahui peratus litupan karang yang terjejas daripada keseluruhan karang yang ada di sesuatu kawasan. Pemantauan dijalankan sambil melengkapkan borang yang mengandungi maklumat tertentu (*Lampiran 1*) berkaitan dengan kelunturan karang di kawasan berkenaan; 2) kaedah pemantauan dengan

lebih teliti di kawasan yang telah di kenal pasti mengalami kelunturan iaitu menggunakan kaedah *Modified Reef Check* yang telah diubahsuai untuk pemantauan kelunturani karang sahaja. Pemantauan dijalankan sambil melengkapkan *data sheet* (*lampiran 2*) yang telah diubahsuai dari bahagian *substrate* (*Reef Check Survey*). Kaedah ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih jelas peratus keseluruhan karang, karang yang mengalami kelunturan, karang yang telah mati dan sebagainya di sepanjang transek yang digunakan di kawasan berkenaan dan 3) Menggunakan *Photo-quadrant* di mana kaedah ini untuk mendapatkan data asas supaya pemantauan yang berterusan pada masa akan datang dapat dijalankan bagi mendapatkan status karang yang mengalami kelunturan tersebut sama ada terdapat proses *recovery* atau tidak (*Lampiran 3* mengenai cara pengiraan anggaran keluasan litupan karang).

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila **HUBUNGI** :

**Pn. Shahima Abdul Hamid**

Tel: 03-8886 1368 / 019-2293204

Pengarah

Bahagian Perancangan & Pengurusan Taman Laut

Jabatan Taman Laut Malaysia

PUTRAJAYA.

**Pn. Halijah binti Mat Sin**

Tel : 03-8886 1726 / 019-3322779

Pengarah


Bahagian Pendidikan & Interpretasi Maklumat

Jabatan Taman Laut Malaysia

PUTRAJAYA.



Gambar 1: Terumbu karang berbentuk meja yang sihat di kawasan perairan Taman laut Malaysia



Gambar 2: Terumbu yang mengalami kelunturan karang